

Headline	81.7 peratus pengguna nikmati subsidi elektrik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Jul 2018	Language	Malay
Circulation	20,955	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	6
ArticleSize	269 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 27,818		



81.7 peratus pengguna nikmati subsidi elektrik

Putrajaya: Kerajaan akan memperuntukkan RM114 juta untuk subsidi surcaj elektrik kepada kira-kira 81.7 peratus pengguna domestik mulai bulan ini hingga Disember tahun ini.

Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin berkata, pelarasan tarif elektrik yang berkuat kuasa 1 Julai lalu tidak akan menjejaskan pengguna domestik seperti dakwaan Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, peruntukan itu adalah daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE).

"Kerajaan memperuntukkan RM114 juta untuk memberi subsidi kepada 81.7 peratus pengguna

elektrik domestik supaya mereka tidak dikenakan surcaj ini.

"Mereka yang terbabit hanyalah pengguna komersial tetapi 1.1 juta pengguna komersial voltan rendah seperti restoran dan kedai runcit juga mempunyai impak kurang dari 70 sen dalam bil elektrik mereka. Jadi, tidak sepatutnya timbul isu kenaikan harga barang atau sebagainya.

"Saya akan terangkan di Parlimen minggu depan," katanya pada sidang media selepas menghadiri Sesi Townhall Perdana: Industri Tenaga Boleh Baharu bersama Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, di sini, semalam.

Rafizi sebelum ini menggesa ke-

rajaan mengkaji semula keputusan menaikkan tarif elektrik berikutan pelarasan Kos Pelepasan Tidak Seimbang (ICPT) bagi mengelak peniaga menjadikan alasan itu untuk tidak menurunkan harga barangan selepas pelaksanaan kadar sifar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Cadang batal kontrak empat syarikat IPP

Dalam isu lain, Bee Yin berkata, kerajaan bercadang membatalkan kontrak empat syarikat pengeluar tenaga bebas (IPP) dianugerahkan oleh pentadbiran terdahulu, yang akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet minggu depan.

Beliau berkata, sebelum ini, Per-

dana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mencadangkan lapan IPP tetapi kementerian masih mengkaji perkara itu.

"Kita sudah kenal pasti empat IPP dan pembatalannya akan ditentukan secara rasmi selepas mendapat persetujuan Kabinet minggu depan. Saya akan umumkan IPP ini selepas Jemaah Menteri luluskan.

"Kita perlu faham apabila kerajaan hendak batalkan sesuatu, kita kena kaji sama ada akan beri implikasi terutama dari segi kewangan, perundangan dan teknikal.

"Empat yang kita kenal pasti adalah IPP berisiko rendah dan tidak memberi implikasi dari segi

kewangan, teknikal dan perundangan kepada kerajaan," katanya.

Bee Yin bagaimanapun enggan menamakan IPP yang terbabit tetapi mengesahkan ia adalah IPP baharu dan satu daripadanya adalah syarikat tersenarai awam (PLC).

Terdahulu ketika berucap pada majlis berkenaan, Bee Yin berkata ada keperluan untuk membatalkan kontrak IPP yang diluluskan melalui rundingan secara langsung oleh kerajaan terdahulu.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan proaktif ke arah mencapai 20 peratus penggunaan tenaga boleh diperbaharui di negara ini yang ketika ini hanya mencapai dua peratus.